

REMAJA DAN BUDI BAHASA

 oleh
 CHAI LOON
 GUAN

“**P**EMUDA harapan bangsa, pemudi tiang negara” jelas memberikan gambaran betapa golongan remaja merupakan khazanah sumber manusia yang cukup penting kepada pembangunan, kemajuan dan masa depan bangsa dan negara. Maju mundurnya negara bangsa banyak bergantung pada modal insan dalam kalangan remaja kerana di pundak merekalah bakal dipikul tanggungjawab berat, ilizaman dan amanah untuk memajukan bangsa dan negara sekali gus merealisasikan wawasan perdana – Wawasan 2057.

Perkembangan semasa dan kelangsungan pelbagai isu yang sering dipaparkan di media massa belakangan ini jelas telah banyak menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Berita tentang golongan remaja bertindak liar di luar batas-batas kesopanan dan kesusilaan, bergentayangan dan hidup bergelumang dengan aktiviti jenayah dan kegiatan-kegiatan yang tidak berakhlak cukup mengejutkan ibu bapa, masyarakat umum dan kerajaan. Oleh sebab itu, perlulah dikenal pasti sebab-musabab atau punca akar masalah yang semakin menular dalam jagat kehidupan masyarakat majmuk Malaysia, khususnya remaja ratus dan dunia kehidupan golongan remaja.

Barangkali ada benarnya, kesibukan ibu bapa dalam mencari rezeki hidup dan memburu dunia kebendaan saban hari sehingga mereka yang sering terbelenggu dek tekanan hidup terlepas pandang akan kepentingan kasih sayang dan kebajikan anak-anak merupakan antara punca berlakunya

kepincangan dan kebobrokan akhlak remaja kita pada hari ini.

Selain itu, kekurangan didikan moral dan agama, sistem pendidikan dan institusi masyarakat yang terlalu mengutamakan atau mengagung-agungkan kejayaan dan kecemerlangan akademik semata-mata tanpa memberikan perhatian yang seimbang kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek anak-anak remaja turut merencanakan keberleluasaan gejala sosial dalam kehidupan kita sehari-hari.

Oleh itu, penerapan salah satu nilai murni kehidupan, yakni nilai budi bahasa dianggap amat penting dalam usaha melahirkan modal insan yang sempurna akhlaknya dan mempunyai kekuatan jati diri peribadi serta perilaku mulia dan terpuji sekali gus sebagai asas budaya hidup remaja khususnya dan masyarakat majmuk Malaysia amnya. Amalan ini perlu dipupuk sejak kecil lagi. Terbitnya pandangan bahawa amalan berbudi bahasa perlu dipupuk sejak bangun sekolah lagi tercetus daripada fenomena lunturnya amalan ini dalam kalangan generasi remaja dan muda-mudi pada era globalisasi ini.

Umumnya, masyarakat hari ini lebih menekenkan aspek kebendaan atau materialisme. Hal ini sekali gus meminggirkan nilai-nilai moral seperti berbudi bahasa, hormat-menghormati, bertolak ansur dan sebagainya. Ibu bapa dan guru-guru haruslah berganding bahu dengan masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan yang penting dalam membentuk peribadi anak-anak remaja yang boleh diibaratkan seperti sehelai kain putih yang mudah menerima dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai budi bahasa yang terpuji.

Amalan berbudi bahasa perlu dipupuk dalam kalangan remaja sejak bangun sekolah lagi.



Generasi remaja perlu digalakkan untuk mengamalkan dan menerapkan budi bahasa dan nilai-nilai murni sama ada dalam aspek komunikasi, ucapan, pertuturan atau panggilan atau dalam perlakuan dan pergaulan dalam institusi kekeluargaan, institusi kemasyarakatan, institusi pembelajaran dan institusi perkhidmatan.

Dalam kehidupan bermasyarakat, lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat majmuk dan berbilang

ras dan agama di negara kita, golongan remaja perlu sentiasa menggunakan tutur kata yang sopan, mempunyai fill yang halus dan pekerti yang mulia. Antaranya, remaja haruslah sentiasa mengutamakan nilai-nilai bekerjasama, semangat gotong-royong dan menghormati orang lain.

Remaja juga perlu sentiasa berbudi bahasa dan berkelakuan baik, teratur dan sejahtera dalam institusi pembelajaran. Sebagai warga ilmu, mereka perlu berdisiplin, bertegur sapa dengan hormat, berbahasa sopan, bersedia memohon maaf, mentaati peraturan sekolah dan banyak lagi. Remaja pelajar juga perlu saling menghormati rakan, membiasakan diri mengucapkan salam atau ucap selamat, menghargai perbezaan agama, menghargai idea, buah fikiran dan pendapat rakan sebaya dan bantu-membantu ibarat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Sikap positif sedemikian bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahmi bahkan juga dapat menyemaikan bebenih perpaduan dan muhibah dalam kalangan masyarakat yang berbilang ras dan agama di negara ini.

Sebagai generasi pelapis dan bakal menjadi umarak



bangsa dan negara pada masa depan, remaja perlu juga didedahkan nilai-nilai kepemimpinan dan kepimpinan yang baik dan berbudi di samping mengutamakan kemesraan dan semangat kerja keras, gigih berusaha, telus, amanah, teladan yang baik, berhemah, adil dan berintegriti serta bantu-membantu untuk mencapai matlamat pasukan atau organisasi.

Masyarakat yang maju tanpa amalan nilai-nilai moral, khususnya budi bahasa, dapat diibaratkan seperti seorang manusia tanpa roh. Pembangunan dan kemajuan fizikal setinggi manapun tidak bermakna tanpa budi bahasa atau budi pekerti terpuji dalam kalangan anggota masyarakatnya, lebih-lebih lagi golongan remaja yang bakal menjadi tonggak harapan bangsa dan negara kelak.

Keluhuran budi pekerti mulia diriliah yang menjadi kayu pengukur kejayaan dan kecemerlangan seseorang. Tiada gunanya seseorang itu memiliki ijazah berjela-jela dan harta kekayaan yang bertimbun-timbun sekiranya dia sentiasa dibayangi perasaan sombong, kurang ajar dan meniti keruntuhan akhlak yang menyayatkan hati di penghujung kehidupannya yang terasing, bercelaru dan vakum.

Oleh itu, generasi remaja perlulah sentiasa hidup berbudi bahasa. Budi bahasa ialah asas kehidupan yang bermaruah dan bertamadun ke arah melahirkan modal irisan yang berilmu, berakhlak dan berketerampilan, sekali gus merealisasikan negara bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang di persada antarabangsa. ☺



Dalam kehidupan bermasyarakat, lebih-lebih lagi dalam konteks, perpaduan kaumuk dan orakalang ras dan agama di negara kita, golongan remaja perlu sentiasa mengutamakan nilai-nilai bekerjasama, semangat gotong-royong dan menghormati orang lain.

oleh IMUDA

